

NO. KAD
PENGENALAN

						-								
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



**SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
GEOGRAFI**

Kertas 2 / Set 3

2 jam

2280/2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Jawapan bagi **soalan 9(a)** hendaklah ditulis dalam kertas graf yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
7. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
8. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan oleh kurungan
9. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alatan geometri

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	6	
	2	2	
	3	3	
	4	4	
	5	5	
B	6	10	
	7	10	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan


Soalan 1 hingga **Soalan 5** berdasarkan peta topo siri 2280/2/2013. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 (a) Nyatakan bearing Bkt. Meranti (RG 163858) dari Kuil Kg. Pengkalan (RG 094820)?

.....
[2 markah]

- (b) (i) Kirakan panjang talian penghantar elektrik dari (RG 050828) ke (RG050892)?


..... kilometer.
[2 markah]



- (ii) Kirakan luas kawasan Hutan Rizab Meranti yang terdapat di dalam segi empat grid di atas?

..... kilometer persegi.
[2 markah]

Soalan 2 berdasarkan segi empat berikut.




- 2 Nyatakan **dua** ciri fizikal tanah tinggi yang terdapat dalam segi empat grid tersebut ?

(i)

(ii)

[2 markah]

Soalan 3 berdasarkan segi empat berikut.



- 3** (a) Namakan jenis pola saliran yang terdapat dalam segi empat grid tersebut ?

.....

[1 markah]

- (b) Nyatakan **tiga** faktor yang menggalakkan penanaman tanaman getah di dalam segi empat grid tersebut ?


(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan segi empat grid berikut.



- 4** (a) Berdasarkan bukti dalam peta, jelaskan **dua** fungsi hutan yang terdapat di dalam segi empat grid tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]


- (b) Nyatakan **dua** kesan penerokaan hutan tersebut terhadap alam sekitar sekiranya kawasan tersebut dimajukan tanpa kawalan .

(i)

(ii)

[2 markah]

Soalan 5 berdasarkan segi empat grid berikut



- 5** (a) Syorkan **tiga** kesan jangka panjang ekonomi daripada pembinaan jalan susur keluar lebuhraya yang terdapat di dalam segi empat grid terhadap kawasan sekitarnya ?

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

- (b) Nyatakan **dua** langkah mengatasi kesan pembinaan lebuhraya ke atas alam sekitar setempat?

- (i)
- (ii)

[2 markah]

Soalan 6 berdasarkan gambarajah di bawah.




Foto 1

- 6 (a) (i) Namakan bentuk muka bumi yang terhasil daripada pandang darat di atas.

 [1 markah]
- (ii) Nyatakan jenis luluhawa yang membentuk pandang darat tersebut ?

 [1 markah]
- (b) Namakan bentuk muka bumi bertanda :
- X** :
- Y** :
- Z** :
 [3 markah]
- (c) Senaraikan **tiga** kegiatan ekonomi yang boleh dimajukan di kawasan tersebut ?
- (i)
- (ii)
- (iii)
 [3 markah]


(d) Tentusahkan kesan akibat daripada proses luluhawa kimia di kawasan di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

Soalan 7 menunjukkan lapisan atmosfera.



Rajah 1

- 7 (a) Namakan lapisan atmosfera bertanda
- P:**
- S:** [2 markah]
- (b) Di lapisan manakah penting dalam perkembangan telekomunikasi
- [1 markah]
- (c) Di lapisan manakah terletaknya lapisan ozon
- [1 markah]
- (d) Nyatakan **tiga** faktor yang menyebabkan berlakunya penipisan lapisan ozon.
- i.
- ii.
- iii.

[3 markah]

(e) Syorkan **tiga** kesan daripada fenomena penipisan lapisan ozon kepada manusia dan alam sekitar.

i.

ii.

iii.

[3 markah]

Bahagian B
[60 markah]
Jawab **tiga** soalan sahaja



Peta 1

- 8 (a) Peta di atas menunjukkan taburan penduduk dunia, nyatakan jenis taburan penduduk kawasan berlorek :
- (i) **A**
 - (ii) **B**
 - (iii) **C**
 - (iv) **D**
- [4 markah]
- (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk dunia yang bertanda **X** .
- [5 markah]
- (c) Jelaskan faktor utama yang mempengaruhi migrasi antarabangsa.
- [5 markah]
- (d) Nyatakan kesan ke atas negara yang ditujui akibat daripada proses migrasi antarabangsa .
- [6 markah]

- 9 (a) Jadual 1 menunjukkan jumlah eksport kereta di negara Malaysia tahun 2005-2009 .

Tahun	Eksport kereta (RM Juta)
2005	290
2006	180
2007	150
2008	280
2009	200

Jadual 1

Lukis carta pai yang menunjukkan jumlah eksport kereta di negara Malaysia pada tahun 2005-2009. Gunakan jejari 5 cm untuk carta pai anda dengan menggunakan kertas graf yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.

[8 markah]

- (b) Nyatakan faktor yang mempengaruhi perkembangan sektor pembuatan di Lembah Klang. [4 markah]
- (c) Huraikan kepentingan sektor pembuatan automatif ke atas ekonomi negara Malaysia. [4 markah]
- (d) Nyatakan **empat** kesan kegiatan perindustrian kepada alam sekitar. [4 markah]

- 10 (a) Jelaskan bagaimana mengatasi masalah kekurangan sumber air di negara yang mempunyai ciri-ciri berikut.

[5 markah]

- kerpasan rendah
- kadar sejatan tinggi
- tiada litupan awan

- (b) Nyatakan sumber tenaga yang di perolehi daripada sumber tenaga biojisim?

[5 markah]

Bekalan minyak petroleum di Malaysia dijangkakan habis pada tahun 2021

- (c) Kemukakan **lima** cadangan untuk atasi kepupusan bekalan sumber tenaga petroleum di negara Malaysia ?

[5 markah]

- (d) Nyatakan **lima** kesan penerokaan sumber air di negara Malaysia.

[5 markah]

11 Foto 2 menunjukkan tumbuh-tumbuhan semulajadi di Malaysia.



Foto 2

- (a) Nyatakan **enam** ciri utama tumbuh-tumbuhan semulajadi dalam foto 2.
[5 markah]
- (b) Kemukakan **lima** sumbangan percuma yang diberikan tumbuh-tumbuhan semulajadi tersebut kepada manusia dan alam sekitar.
[5 markah]
- (c) Huraikan bagaimanakah kegiatan pertanian ladang menjejaskan sumber hutan di Malaysia?
[6 markah]
- (d) Syorkan **empat** cadangan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semulajadi di Malaysia.
[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk soalan No.8 (a) pada halaman 9
(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



Peta 1: DUNIA

A		C	
B		D	